

Lawatan Penanda Aras Kolej Komuniti Penampang ke UMSKAL

UB 29.11.2024 P.02

LABUAN: Seramai 10 pegawai Kolej Komuniti Penampang (KKP) mengadakan Lawatan Penanda Aras ke Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) semalam.

Lawatan berkenaan diketuai Pengarah KKP, Haji Kamal Ali.

Turut mengiringi Timbalan Pengarah, Corine Ahlai@Eric, Tuan Rakiza Tuan Mahmud, Dg.Nurshazana Daud, Nurhidayu Husin, Rukinah@Nanang Samuning, Mimi Tumbalon, Norfadzilatul Zaleha Khalid, Siti Sarjiah Juanis dan Mohd Faisal Jahari.

Kamal berkata lawatan itu bertujuan mendapatkan pengetahuan dan pengalaman serta amalan baik yang dapat dicontohi dari UMSKAL.

Ia bagi meningkatkan kualiti dan prestasi dalam pengurusan Kolej Komuniti Penampang.

Katanya, program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Penampang ialah Sijil Teknologi Senibina (STS) dan Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP).

“Menerusi lawatan ini, kami mendapat pengetahuan



KENANGAN: Zamri (tiga kiri) dan Kamal (tiga kanan) bertukar cenderamata sempena lawatan itu.

dan pengalaman serta amalan baik yang dapat dicontohi daripada UMSKAL,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan taklimat di Bilik Mesyuarat Kiamsam UMSKAL.

Sementara itu, Ketua Pentadbiran UMSKA, Zamri Mohammad Tuah menggalu-alukan kunjungan dan kerjasama daripada KKP ke UMS Labuan.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Profesor

Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid mengucapkan terima kasih kepada KKP yang sudi melawat UMSKAL sambil berkongsi ilmu dan pengalaman.

“Menerusi lawatan itu, dapatlah kedua-dua pihak

bertukar-tukar ilmu pengalaman dan pengalaman yang ada di UMSKAL dan KKP,” katanya.

Turut hadir Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM), Mas Adi Alimin.